




**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
KENYATAAN TAWARAN
TENDER PERKHIDMATAN**

1. Tawaran daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia akan diterima di **Pejabat Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman hingga 31 Mac (Selasa), jam 12.00 tengah hari.**

BUTIRAN TENDER	TARIKH DAN LOKASI TAKLIMAT PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
TENDER NO. MADA(T)/BPTM/ P/1/2026 PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENAIK TARAF FASILITI PUSAT DATA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)	23 FEBRUARI 2026 (ISNIN), Jam 10.00 pagi Berkumpul di Bilik Mahsuri, Ibu Pejabat MADA Menghadiri taklimat adalah WAJIB kepada pemilik dengan membawa bersama sijil pendaftaran ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat dijalankan.	Pengkhususan: Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod Bidang 210101, 210105, 210201, 210202 dan 210203	RM100.00 (Satu set) Bayaran tidak dikembali kan	31 MAC 2026 (SELASA), Jam 12.00 tengah hari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman mulai **23 Februari 2026** (selepas taklimat projek) sehingga **31 Mac 2026**.

3. Petender yang ingin membeli dokumen tawaran dikehendaki mengemukakan **Surat Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate -TCC)** yang asal untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap surat pendaftaran tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod. Petender yang menghadiri taklimat sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen tender.
4. Dokumen tawaran juga boleh dibeli oleh wakil Petender yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen yang disebutkan dalam **Perkara tiga (3)**.
5. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja. Pembayaran dalam talian hendaklah dibayar atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (CIMB BANK – 8006436723)**, pembayaran secara **Interbank GIRO transfer**. Resit pembayaran perlulah dikemukakan sebelum dokumen diterima.
6. Petender mestilah mengemukakan **Tawaran Kewangan** dan **Tawaran Teknikal** di dalam dua (2) sampul surat berasingan yang berlakri dan dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat utama berlakri dengan menulis nombor sebut harga pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.



.....
(RUMZI BIN AHMAD)

Pengarah Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Tarikh: